



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PPP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

13 JULAI 2023 (KHAMIS)



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR (KPDN)

13 JULAI 2023 (KHAMIS)



MITSUBISHI Pajero yang tergelincir di tali air Kampung Pak Keral. Tumpat ketika melarikan diri daripada pihak berkuasa.

Terbabas pecut 4x4 elak ditahan KPDN

Tiga-pat: Seorang penyeludup diesel bersubsidi yang terkejut dengan kehadiran penguat kuasa di sebuah stesen minyak memecut pacuan empat roda Mitsubishi Pajero miliknya sejauh 10 kilometer (km) dari Palekbang hingga ke Kampung Pak Keral di sini, sebelum kenderaan itu terbabas ke dalam tali air.

Pemeriksaan dijalankan penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) kemudiannya menemui tangki tambahan

di bahagian bawah Mitsubishi Pajero terbabit, malah turut merampas 50 liter diesel bersubsidi dengan jumlah keseluruhan bernilai RM10,107.

Pengarah Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Kelantan Azman Ismail berkata, pada kejadian jam 9.30 pagi Isnin lalu, suspek yang juga lelaki didapati sedang mengisi diesel di stesen minyak di Palekbang.

"Terdahulu, kami menerima maklumat risikan berkaitan kehadiran ken-

deraan itu yang dipercayai terbabit dalam aktiviti penyelewengan diesel.

"Sebaik menyedari kehadiran kami, suspek memecut sebelum kami mengekori sehingga ke jalan tali air di Kampung Pak Keral.

"Ketika melalui selekoh, kenderaan terbabit terbabas ke dalam tali air. Suspek pula terus melarikan diri ke kawasan semak," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Sementara itu, pada serbuan kedua di hari sama, pihaknya merampas 100 li-

ter petrol bernilai RM205 yang ditemukan dalam tangki tambahan Perodua Kenari di Kampung Jeju-
lok.

Azman berkata, kenderaan itu ditinggalkan di tepi jalan selepas pemandunya menyedari kehadiran pihak berkuasa.

"Kita percaya diesel dan petrol itu akan dibawa ke mana-mana pangkalan haram di Pengkalan Kubor untuk diseludup ke Thailand. Kedua-dua kes distasat mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961," katanya.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

MEDIA ONLINE (KPDN)

13 JULAI 2023 (KHAMIS)

BERITA ONLINE BERTARIKH 13 JULAI 2023

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
13-Jul	Panik sangat sampai masuk tali air	https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/07/986783/panik-sangat-sampai-masuk-tali-air	HM
13-Jul	Didenda RM15,000, miliki 2,800 liter diesel tanpa lesen	https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/267814	SH
13-Jul	Fama buat kajian mekanisme agensi khusus tingkat keterjaminan makanan	https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/07/986856/fama-buat-kajian-mekanisme-agensi-khusus-tingkat-keterjaminan-makanan	HM
13-Jul	KPDN Bintulu periksa 4,279 premis dengan nilai sitaan RM1 juta	https://suarasarawak.my/tiada-kenaikan-harga-barang-melampau/	SUARASARAWAK
13-Jul	KPDN Kedah rampas diesel dipercayai diseleweng bernilai lebih RM28,000	https://www.buletintv3.my/nasional/kpdn-serbu-premis-seleweng-lpg-subsidi/	BULETINTV3
13-Jul	KPDN Kedah rampas 3,800 liter diesel dipercayai diseleweng	https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/267884	SH
13-Jul	KPDN: Tanjung Sepat LPG decanting facility busted	https://www.thesundaily.my/local/kpdn-tanjung-sepat-lpg-decanting-facility-busted-OA11220790	THESUNDAILY
13-Jul	Sindiket seleweng gas LPG tumpas, hampir RM100,000 nilai rampasan	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/07/sindiket-seleweng-gas-lpg-tumpas-hampir-rm100000-nilai-rampasan/	UM
13-Jul	KPDN Bintulu periksa 4,279 premis dengan nilai sitaan RM1 juta	https://suarasarawak.my/kpdn-bintulu-periksa-4279-premis-dengan-nilai-sitaan-rm1-juta/	SUARASARAWAK
13-Jul	KPDN Kedah rampas diesel dipercayai diseleweng bernilai lebih RM28,000	https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-kedah-rampas-diesel-dipercayai-diseleweng-bernilai-lebih-rm28-000-427855%3famp=1	ASTROAWANI
13-Jul	KPDN Kedah rampas 3,800 liter diesel dipercayai diseleweng	https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/267926	SH